

SMK Mutiara dan LABVOC B johan Bola Tampar Pantai Bakat Sukan Labuan 2019

UB 20-11-2019 20

LABUAN: Pasukan SMK Mutiara muncul johan kategori Lelaki Karnival Bakat Sukan Bola Tampar Pantai peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2019 yang diadakan di Gelanggang Bola Tampar Pantai UMSKAL pada 17 November lalu.

Pasukan sekolah itu yang diwakili Gabil Ghani dan Mohamad Ikram Shafie Tajeri menewaskan SMKL D yang ditarisi Mohd Ikhwan Monajah dan Ardiansyah Jimi 15-11, 12-115 dan 11-4 dalam aksi final yang menarik dan mendebarkan.

Ketiga bersama pula di-menangi pasukan SMKL C dan LIS.

Manakala bagi kategori Wanita, juara menjadi milik pasukan LABVOC B yang diwakili Elly Nadhirah Safri dan Rozatul Ainol Athirah Amir menewaskan SMK Mutiara yang ditarisi Beverly Liew Hui Wen dan Sabrina Masnih 15-10 dan 15-9.

Pasukan LABVOC A dan SMKL A menduduki tempat ketiga bersama.

Sebanyak 12 pasukan lelaki dan 10 pasukan wanita menyertai program tersebut yang dikhatuskan kepada pemain Bahaw 18 Tahun.

Karnival Bakat Sukan Bola Tampar Pantai dianjurkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) manakala Persatuan Bola Tampar Labuan (LAVA) bertindak sebagai pengelola kejohanan dua hari itu.

Karnival tersebut turut mendapat kerjasama daripada Kelab Bola Tampar UMSKAL sempena penganjuran Pesta Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus



JUARA WANITA: Rozman (dua kanan), Abdul Samad dan Zamri (kanan) bersama pemain LABVOC B yang menjuarai kategori Wanita.



JUARA LELAKI: Pemain SMK Mutiara yang menjuarai kategori Lelaki bersama Rozman (dua kanan), Zamri dan Abdul Samad (dua kiri).

Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2019.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli menyampaikan hadiah kepada pemenang Karnival Bakat Sukan Bola Tampar Pantai 2019.

Turut hadir Pengurus Persatuan Bola Tampar

Labuan (LAVA), Abdul Samad Ismail dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah.

Zamri berkata pihaknya sentiasa mengalau-alukan penganjuran pelbagai program termasuk acara sukan di UMSKAL sekaligus

mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara warga universiti itu dengan warga Labuan.

"Terima kasih kepada MSWP dan LAVA kerana mengadakan karnival itu di UMSKAL sekaligus memeriahkan Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2019," katanya.